

**FREQUENTLY ASK QUESTION
BAHAGIAN PERANCANGAN PERKHIDMATAN DIGITAL**

BIL.	PERTANYAAN/ISU	JAWAPAN/TINDAKAN
1.	Bagaimanakah agensi menentukan peneraju projek, pemilik projek, pelaksana projek dan pelaksana perolehan?	Bagi penentuan peneraju, pemilik dan pelaksana projek tertakluk kepada beberapa model mengikut kesesuaian dan situasi inisiatif/projek digital WoG yang dikemukakan di dalam mesyuarat sektor berdasarkan pandangan perunding pengurusan projek. Termasuklah pelaksana perolehan yang akan sediakan keperluan teknikal dan membida peruntukan. Contoh: Projek e-Tanah, peneraju ialah NRES yang juga merupakan pelaksana perolehan tetapi pemilik dan pelaksana projek ialah negeri. Berbanding projek DDMS, pemilik projek ialah Arkib, pelaksana projek dan pelaksana perolehan ialah JDN. Peneraju Projek – agensi yang bertanggungjawab merancang, mengurus, melaksanakan, dan memantau projek ICT untuk memastikan ia mencapai objektif yang ditetapkan dalam tempoh, bajet, dan kualiti yang ditentukan.

BIL.	PERTANYAAN/ISU	JAWAPAN/TINDAKAN
		Pemilik Projek – Pemilik projek adalah kementerian/agensi yang memiliki fungsi dan mempunyai kuasa terhadap dasar dan prosedur sistem aplikasi yang sedang dibangunkan. Kementerian/Agensi bertanggungjawab dalam memastikan sistem yang dibangunkan memenuhi keperluan jabatan. (Sumber : Garis Panduan Pembangunan Aplikasi (KRISA) - Portal SQA) Pelaksana Projek – Agensi yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pelaksanaan projek ICT mengikut skop, bajet dan jadual yang diluluskan. Pelaksana Perolehan - Agensi yang melaksanakan proses perolehan projek ICT mengikut tatacara perolehan yang telah ditetapkan oleh kerajaan. *peranan di atas tertakluk kepada keperluan kementerian/agensi.
2.	Kementerian berpendapat bahawa projek mereka tidak sepatutnya ditempatkan di sektor yang telah ditetapkan. Apakah proses yang perlu diikuti untuk memaklumkan permohonan penukaran sektor?	Penetapan sektor bagi sesuatu projek digital adalah berdasarkan fungsi utama perkhidmatan yang disampaikan oleh projek tersebut. Sekiranya kementerian memohon untuk menukar sektor, perkara tersebut perlu dibincangkan terlebih dahulu bersama sekretariat

BIL.	PERTANYAAN/ISU	JAWAPAN/TINDAKAN
		sektor berkaitan dan Jabatan Digital Negara (JDN) bagi memastikan kefahaman dan penjajaran awal dapat dicapai sebelum dibawa ke Mesyuarat Pasukan Digital Sektor. Jika kementerian atau agensi tidak bersetuju dengan cadangan penetapan sektor yang dikemukakan oleh sekretariat dan JDN, keputusan akan ditentukan melalui Mesyuarat Penyelarasan Sektor.
3.	Bagi projek pembelian peralatan dan perolehan perisian pembelajaran seperti AutoCAD atau Microsoft Office yang dirancang untuk dilaksanakan pada RMK13 RP2, adakah projek tersebut perlu dibawa ke Mesyuarat Pasukan Digital Sektor terlebih dahulu? JPICT agensi akan bersidang dalam masa terdekat dan dibimbangi jika JPICT meluluskan dengan syarat, kementerian perlu kembali semula ke Mesyuarat Pasukan Digital Sektor.	Kementerian perlu melengkapkan Kertas Cadangan Inisiatif Pendigitalan Sektor Awam (Google Form yang disediakan oleh JDN) bagi tujuan pengesahan sama ada projek yang dikemukakan merupakan projek Whole-of-Government (WoG) atau projek digital agensi spesifik. Kertas cadangan tersebut hendaklah dikemukakan kepada sekretariat sektor sebagai rekod dan bagi tujuan penyelarasan awal. Bagi projek digital agensi spesifik iaitu projek yang fungsi perkhidmatannya tidak melibatkan agensi lain, kertas cadangan yang dihantar kepada sekretariat sektor adalah sebagai makluman dalam Mesyuarat Pasukan Digital Sektor. Projek digital agensi

BIL.	PERTANYAAN/ISU	JAWAPAN/TINDAKAN
		spesifik hendaklah dibawa ke JPICT agensi seperti proses sedia ada, dan projek boleh diteruskan kecuali perolehan.
4.	Bolehkah sediakan satu salinan semua permohonan yang telah dihantar melalui Kertas Cadangan Inisiatif Pendigitalan Sektor Awam <i>online</i> kepada pemohon tersebut?	Ya, pengguna akan menerima salinan permohonan melalui emel yang telah dinyatakan dalam Kertas Cadangan Inisiatif Pendigitalan Sektor Awam tersebut.
5.	Siapakah yang akan mendapat akses maklumat Kertas Cadangan Inisiatif Pendigitalan Sektor Awam <i>online</i> berkaitan permohonan yang telah dihantar oleh agensi?	Jabatan Digital Negara.
6.	Terdapat lebih daripada 20 agensi di bawah JPM, tidak termasuk MOF dan agensi berkaitan dalam sektor Pentadbiran Awam. Adakah semua wakil agensi ini perlu hadir dalam setiap Mesyuarat Pasukan Digital Sektor? Atau adakah kehadiran bergantung kepada jemputan sekretariat dan keputusan mesyuarat ditentukan oleh ahli yang hadir pada ketika itu?	Sekretariat sektor akan menentukan agensi yang akan hadir di Mesyuarat Pasukan Digital Sektor

BIL.	PERTANYAAN/ISU	JAWAPAN/TINDAKAN
7.	Untuk sektor pentadbiran awam, siapa yang perlu terlibat/hadir dalam mesyuarat sektor kerana bilangan agensi di bawah JPM terlalu banyak?	Sekretariat sektor akan menentukan agensi yang akan hadir di Mesyuarat Pasukan Digital Sektor
8.	Agensi perlu isi Kertas Cadangan Inisiatif Pendigitalan Sektor Awam <i>online</i> untuk semua projek termasuk belanja Mengurus 2025 dan RP2? atau RP2 sahaja?	Semua projek RP2 dan ke atas perlu dipohon melalui Kertas Cadangan Inisiatif Pendigitalan Sektor Awam <i>online</i> yang disediakan.
9.	Adakah agensi perlu muat naik <i>slide</i> pembentangan yang dimuat turun daripada Kertas Cadangan Inisiatif Pendigitalan Sektor Awam <i>online</i> semasa hendak menghantar permohonan projek?	Agensi hendaklah melengkapkan Kertas Cadangan Inisiatif Pendigitalan Sektor Awam secara dalam talian yang telah disediakan serta mengemukakan slaid pembentangan bagi inisiatif berstatus Whole-of-Government (WoG) sahaja kepada sekretariat sektor.
10.	Kertas Cadangan Inisiatif Pendigitalan Sektor Awam <i>online</i> yang disediakan, kenapa hanya untuk 2025 dan RP2 sahaja, kenapa tidak termasuk RP1?	Permohonan bagi RMK13 RP1 telah ditutup pada 31 September 2024. Sekiranya agensi berhasrat untuk memohon pelaksanaan inisiatif atau projek pendigitalan di bawah RMK13 RP2 dan RP seterusnya, hendaklah mengisi Kertas Cadangan Inisiatif Pendigitalan Sektor Awam secara dalam talian yang telah disediakan.

BIL.	PERTANYAAN/ISU	JAWAPAN/TINDAKAN
		Bagi permohonan yang menggunakan peruntukan di bawah RMK12 yang telah dibatalkan, agensi boleh mengemukakan permohonan semula melalui sektoral dengan mengisi Kertas Cadangan Inisiatif Pendigitalan Sektor Awam secara dalam talian yang disediakan.
11.	Tarikh tutup penghantaran Kertas Cadangan Inisiatif Pendigitalan Sektor Awam <i>online</i> iaitu 6 Jun 2025, adakah untuk semua projek RP2 2025? Jika dihantar selepas tarikh tersebut, adakah akan disemak juga?	Ya, tarikh tutup permohonan adalah pada 6 Jun 2025. Sekiranya permohonan agensi dikemukakan selepas tarikh tersebut, agensi hendaklah merujuk kepada sekretariat sektor berkaitan bagi mendapatkan maklumat mengenai tarikh Mesyuarat Pasukan Digital Sektor untuk tindakan selanjutnya. Secara prinsipnya semua kertas cadangan perlu dikemukakan selewat-lewatnya dalam tempoh dua minggu dari tarikh mesyuarat.
12.	Apakah peranan JDN semasa Mesyuarat Pasukan Digital Sektor?	Jabatan Digital Negara (JDN) akan berperanan sebagai fasilitator kepada sekretariat bagi memastikan inisiatif atau projek pendigitalan sektor dilaksanakan selaras dengan pendekatan Whole-of-Government (WoG).
13.	MOSTI dalam proses untuk mempertimbangkan permohonan kelulusan teknikal di peringkat JPIC T MOSTI di mana terdapat beberapa permohonan	Semua cadangan inisiatif pendigitalan dikemukakan kepada Mesyuarat Pasukan Digital Sektor dengan mengisi Kertas

BIL.	PERTANYAAN/ISU	JAWAPAN/TINDAKAN
	projek ICT berkaitan Projek Digital Agensi Spesifik (Projek Digital Yang Fungsi Perkhidmatannya Tidak Melibatkan Agensi Lain): i. Perolehan Bekalan Dan Pemasangan Komponen ICT Di Bawah Projek Pengukuhan Sistem Amaran Awal Bencana Nuklear Kebangsaan; ii. Perolehan Pembaharuan Lesen Perisian Sistem Pemodelan Maklumat Geografi Untuk Keperluan Penyelidikan Dan Pembangunan, Pembangunan Aplikasi Dan Perkhidmatan Data Satelit Agensi Angkasa Malaysia; iii. Perolehan Perkhidmatan Sewaan Mesin Pencetak Label Di Ibu Pejabat Dan Negeri/Cawangan Jabatan Kimia Malaysia; iv. Perolehan Sambungan Perkhidmatan Langganan Pangkalan Data OpenAthens MD & E-Journal; v. Perolehan Perkhidmatan Penyelenggaraan Komprehensif Sistem KRSTE.my; dan vi. Perolehan Naik Taraf Sistem Tayangan Digital Kubah Penuh Di Teater Angkasa Planetarium Negara.	Cadangan Inisiatif Pendigitalan Sektor Awam secara dalam talian yang disediakan. Inisiatif atau projek pendigitalan berstatus Whole-of-Government (WoG) perlu mendapatkan persetujuan Mesyuarat Pasukan Digital Sektor manakala, inisiatif atau projek berstatus agensi spesifik hanya dimaklumkan di Mesyuarat Pasukan Digital Sektor dan tertakluk kepada proses kelulusan teknikal sedia ada di peringkat agensi/kementerian masing-masing

BIL.	PERTANYAAN/ISU	JAWAPAN/TINDAKAN
	Merujuk kepada Perkara 4.2.1 (b) di dalam Tatacara Pelaksanaan Tatakelola Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT Bagi RMK13 Rolling Plan 2 (RP2) Tahun 2027, projek digital agensi spesifik (projek digital yang fungsi perkhidmatannya tidak melibatkan agensi lain), iaitu projek perkakasan, perisian ICT dan sistem aplikasi khusus untuk kegunaan agensi merangkumi perolehan secara sewaan, bekalan, langganan dan penyenggaraan. Kementerian/Agensi perlu mengemukakan kertas cadangan kepada sekretariat sektor sebagai pemakluman Mesyuarat Pasukan Digital Sektor. Sehubungan itu, MOSTI ingin memohon pandangan dan penjelasan lanjut pihak YBr. Ts./Dr./Tuan/Puan berhubung keperluan untuk dibentangkan ke Mesyuarat Pasukan Digital Sektor Infrastruktur bagi projek ICT seperti di Para 3 di atas sama ada perlu dikemukakan ke Mesyuarat Pasukan Digital Sektor	

BIL.	PERTANYAAN/ISU	JAWAPAN/TINDAKAN
	Infrastruktur sebagai kertas cadangan menggunakan borang online melalui pautan kertas cadangan inisiatif digital yang disediakan; atau sebagai kertas pemakluman dengan menggunakan borang yang sama (seperti ketetapan di Para 4 di atas); atau tiada keperluan di mana hanya memadai pertimbangan di peringkat MOSTI sahaja.	
14.	Kriteria projek digital yang perlu isi Kertas Cadangan Inisiatif Pendigitalan Sektor Awam <i>online</i> dipaparkan di muka pertama untuk rujukan kementerian/agensi seperti projek ICT tiada had nilai, projek <i>in-house</i> termasuk pembangunan semula sistem.	Maklumat kriteria inisiatif/projek digital WoG dan tatakelola yang terlibat boleh dicapai di Portal Evolusi Pendigitalan (https://www.jdn.gov.my/evolusi-pendigitalan-sektor-awam)
15.	Adakah JDN akan membuat taklimat mengisi Kertas Cadangan Inisiatif Pendigitalan Sektor Awam <i>online</i> tersebut?	Maklumat kriteria inisiatif/projek digital WoG dan tatakelola yang terlibat boleh dicapai di Portal Evolusi Pendigitalan (https://www.jdn.gov.my/evolusi-pendigitalan-sektor-awam)
16.	Adakah semua agensi di bawah Kementerian termasuk agensi badan berkanun dan agensi swasta yang menggunakan peruntukan kerajaan perlu mengisi Kertas Cadangan Inisiatif Pendigitalan Sektor Awam secara dalam talian?	Setiap projek ICT yang akan dibiayai oleh peruntukan kerajaan persekutuan diwajibkan untuk mengisi Kertas Cadangan Inisiatif Pendigitalan Sektor Awam.

BIL.	PERTANYAAN/ISU	JAWAPAN/TINDAKAN
17.	Adakah maklumat bagi cadangan projek digital kementerian/agensi/jabatan sehingga tahun 2027 sahaja yang perlu mengisi Kertas Cadangan Inisiatif Pendigitalan Sektor Awam secara dalam talian?	Sekiranya agensi berhasrat untuk memohon pelaksanaan inisiatif atau projek pendigitalan selain daripada yang disenaraikan di bawah RMK13 RP2, agensi hendaklah mengisi Kertas Cadangan Inisiatif Pendigitalan Sektor Awam secara dalam talian yang telah disediakan. Walau bagaimanapun, permohonan bagi projek di bawah RMK13 RP3 hingga RP5 masih belum dibuka.
18.	Apakah implikasi kepada kementerian/agensi sekiranya tidak mengisi Kertas Cadangan Perkhidmatan Pendigitalan Sektor Awam <i>online</i> untuk melaksanakan projek digital?	Kementerian atau agensi yang tidak mengemukakan Kertas Cadangan Perkhidmatan Pendigitalan Sektor Awam secara dalam talian tidak akan dipertimbangkan dalam permohonan peruntukan kerajaan.
21.	Terdapat kemungkinan kos projek yang dibentangkan di Mesyuarat Pasukan Digital Sektoral berbeza daripada kos yang akan dikemukakan ke JPICT, memandangkan tempoh singkat tidak membolehkan agensi membuat kajian pasaran yang terperinci. Adakah Mesyuarat Sektoral mengambil kira ketepatan kos tersebut, atau fokus utama hanya untuk mengetahui jenis projek yang dicadangkan?	Perancangan projek secara menyeluruh, termasuk pelaksanaan kajian pasaran, perlu disiapkan terlebih dahulu sebelum kertas cadangan dibentangkan dalam Mesyuarat Digital Sektor. Sebarang perubahan kos adalah tertakluk kepada pindaan skop projek atau pelarasan kadar mengikut perubahan pasaran semasa.

BIL.	PERTANYAAN/ISU	JAWAPAN/TINDAKAN
22.	Adakah pelaksanaan Kajian Projek ICT memerlukan kelulusan Sektor?	Setiap projek ICT hendaklah melalui proses pertimbangan dan persetujuan oleh Mesyuarat Digital Sektor sebelum pelaksanaan dapat diteruskan.
23.	Bila inisiatif diperkenalkan, adakah peruntukan kerajaan berkurang untuk projek-projek yang lain? adakah fokus hanya kepada membangunkan inisiatif yang diperkenalkan	Sebarang kelulusan peruntukan untuk setiap projek ICT adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Ekonomi.
24.	Apakah langkah seterusnya yang perlu dilaksanakan oleh agensi setelah agensi selesai melaksanakan sesi libat urus?	Projek WOG yang telah disyorkan hendaklah dihantar melalui Sistem Profil Projek ICT Sektor Awam (PROFIT) . Agensi hendaklah memuat naik kertas kerja projek berkenaan ke dalam Sistem PROFIT bagi tujuan rekod dan semakan rasmi oleh pihak JTISA. Agensi juga perlu mengikuti aliran proses Tatacara Pelaksanaan Tatakelola Perancangan Projek ICT Bagi RMK13 RP2 sebagaimana yang telah ditetapkan.